

02 OCT 1996

NELSON MANDELA HADIRI FORUM AFRIKA SELATAN-M'ASIA

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela dijangka menyampaikan ucapan di Forum Afrika Selatan-Malaysia di sini pada 16 Okt ini.

Penganjur forum, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) berkata forum itu diadakan sempena lawatan rasmi Mandela ke Malaysia.

Forum pertama seumpama itu telah diadakan di Sun City semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Afrika Selatan Ogos tahun lepas.

Forum itu akan membolehkan ahli perniagaan dan tokoh korporat Malaysia memperolehi maklumat terkini mengenai keadaan ekonomi dan pelaburan di Afrika Selatan.

Ia juga bertujuan meningkatkan hubungan ekonomi dan perniagaan kedua-dua negara. -- BERNAMA

MAM OBA